



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	5/12/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Bil bersepadu tak babit kenaikan tarif

Kuala Lumpur: Projek Bil Bersepadu yang menggabungkan bil air dan pembentungan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) tidak membabitkan kenaikan tarif khidmat pembentungan sedia ada.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar berkata, langkah itu dibuat bagi memudahkan proses proses pembayaran apabila pelanggan menerima dan membayar satu bil untuk kedua-dua perkhidmatan.

“Pelanggan juga hanya perlu menghubungi satu pusat hubungan sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan kerana ada kakitangan IWK berada di Pejabat Pembekal Air.

“Pelanggan juga tidak lagi perlu menghubungi talian berlainan untuk isu perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembentungan.

“Pelaksanaan pengebilan bersepadu juga boleh membantu rakyat bersiap sedia menghadapi perubahan membabitkan integrasi an-

tara perkhidmatan bekalan air dan pembentungan yang menjadi hala tuju industri perkhidmatan air negara,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan dikemukakan Datuk Mansor Othman (PH-Nibong Tebal) yang meminta Menteri Air, Tanah dan sumber Asli menyatakan sejauh mana usaha kerajaan menggabungkan bil air dengan pembentungan IWK dan kesannya kepada kerajaan serta rakyat.